Shafie bin Ghani lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W–05–59 TAHUN 1996
MOKHTAR SIDIN, JAMES FOONG DAN ZULKEFLI HHMR
20 SEPTEMBER 2006

Keterangan — Beban bukti — Kes jenayah — Milikan dadah — Pemilik kereta di mana dadah dijumpai — Terdapat banyak tanda tanya yang timbul berhubungan dengan pemilik kereta — Keterangan perayu yang menimbulkan kebarangkalian

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Milikan dadah — Anggapan — Sama ada di bawah milikan dan kawalan perayu — Petak ruang khas di lantai boot kereta di mana dadah dijumpai — Keterangan perayu berhubungan dengan seorang kawan yang meminjam kereta tersebut — Sama ada menimbulkan kebarangkalian

Di dalam rayuan ini perayu telah dituduh dan disabitkan kesalahannya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan hukuman yang dikenakan di bawah s 39B(2) Akta yang sama adalah hukuman mandatori iaitu hukuman gantung. Fakta kes ialah, bertindak di atas maklumat yang diterima, satu pasukan polis telah pergi ke tempat kejadian untuk membuat serang hendap. Pada jam 8.15 pagi sebuah kereta Proton Saga yang dipandu oleh perayu telah tiba di tempat kejadian dan meletakkan keretanya di belakang satu kereta Alphine Chrysler (P23) yang sedia ada di tempat kejadian. Apabila perayu dan abangnya keluar dari kereta Proton tersebut, pasukan polis menghampiri mereka dan telah ditahan. Seterusnya pasukan polis membuat pemeriksaan badan ke atas perayu dan hasilnya polis telah menjumpai daripada poket seluar perayu satu rangkaian anak kunci kereta Proton Saga dan satu lagi rangkaian empat kunci (P30). Apabila perayu disoal berkenaan dengan P30 itu perayu telah menunjukkan dengan muncungnya ke arah kereta Alphine Chrysler. Salah satu kunci dari rangkaian empat kunci membuka pintu kereta dan juga boot kereta Alpine Chrysler tersebut dan di dalamnya mendapati cebisan daun kering yang disyaki ganja. Apabila pelapik lantai boot diselak satu petak penutup empat segi dilekatkan pada lantai boot dimana 10 bungkusan plastik lutsinar yang mengandungi daun-daun kering yang disyaki ganja dikeluarkan. Seorang Service Adviser Syarikat Wearne Bros memberi keterangan berkenaan kereta Alphine Chrysler dimana ia menyatakan bahawa petak ruang khas di lantai boot kereta dan dinding di belakang tempat duduk bukanlah manufacturer's design bagi kereta jenis Alphine Chrysler. Di dalam keterangannya perayu menyatakan bahawa pada waktu kejadian ia telah meminjamkan kereta P23 kepada seorang kawan yang dikenali sebagai 'Abang Arif'. 'Abang Arif' ini menjalankan perniagaan kedai runcit bersebelahan kedai tomyam perayu. Keterangan SP15 (pegawai penyiasat) menyatakan ia ada merakam percakapan dari seorang bernama Aris bin Alias yang menjalankan perniagaan kedai runcit bersebelahan kedai perayu. Pihak pendakwa mengakui bahawa Aris bin Alias telah menghilangkan diri dan dengan itu tidak memanggil Aris bin Alias untuk

menjadi saksi pendakwa atau dikemukakan kepada perayu. YA Hakim perbicaraan telah memberikan faedah (benefit of the doubt) kepada pihak perayu bahawa Aris bin Alias itu adalah 'Abang Arif'. Walau bagaimanapun, YA Hakim di dalam penghakimannya menyatakan bahawa isu identiti 'Abang Arif' adalah tidak penting kerana yang penting ialah sama ada perayu telah meminjamkan kereta P23 kepada 'Abang Arif' dan tanpa pengetahuan perayu 'Abang Arif' telah membuat ruang-ruang khas yang terdapat pada kereta P23 dan seterusnya telah menyembunyikan 12 bungkusan di dalam ruang-ruang khas tersebut. Perayu juga menyatakan ada dua kunci bagi kereta P23. Satu ialah P30 yang diperolehi dari poket seluarnya dan satu lagi telah diambil oleh pasukan polis dari kedai dan ini adalah D36. Semasa perbicaraan kesemua pihak termasuk YA Hakim telah membuat pemeriksaan ke atas kereta P23 dan di masa itulah D36 dijumpai di ignition. Tidak mungkin perayu telah meletakkan D36 di ingition kerana perayu ada di dalam tahanan dan kereta P23 berada di dalam jagaan dan kawalan polis.

Diputuskan, membenarkan rayuan tersebut dan meminda pertuduhan ke atas perayu kepada s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952:

(1) Perlu diingat di sini bahawa beban pembuktian ke atas perayu bukanlah kebenaran atau kesahihan keterangannya tetapi sama ada keterangan yang diberikannya menimbulkan keraguan yang munasabah yang dadah berkenaan adalah di bawah jagaan atau di dalam milikannya (lihat perenggan 12).

(2) Rayuan ini dibenarkan berasaskan kepada prinsip yang dinyatakan di dalam kes *Muhammed bin Hassan v PP* [1998] 2 MLJ 273. Mengikut prinsip-prinsip *Muhammed bin Hassan* beban membuktikan bahawa dadah berkenaan berada di dalam milikan perayu adalah ke atas pendakwa. Sekiranya pendakwa berjaya membuktikan bahawa semasa dadah itu dijumpai ianya berada di dalam kawalan perayu dan jumlah berat dadah cannabis di dalam milikan perayu itu melebihi 200g, maka barulah anggapan mengedar dadah berbahaya di bawah s 37(da) boleh dipakai untuk mensabitkan kesalahan mengedar dadah. Sekiranya dari keterangan yang dikemukakan pendakwa hanya dapat membuktikan bahawa dadah itu hanya boleh dianggap berada di dalam milikan dan jagaan perayu, maka anggapan untuk mengedar di bawah s 37(da) tidak boleh dipakai (lihat perenggan 14, 16).

(3) Mahkamah perlu meneliti keterangan secara menyeluruh sama ada kereta P23 sebenarnya di dalam milikan dan kawalan perayu seorang sahaja untuk memastikan bahawa dadah berkenaan berada dalam milikan dan kawalan perayu sendiri dan bukan menggunakan peruntukan anggapan. Banyak tanda tanya yang timbul berhubungan dengan pemilik kereta P23 daripada pemilik yang sah kepada kad pendaftaran dan pembaharuan cukai jalan kereta dan pembayaran ansuran bagi kereta tersebut. Tidak ada keterangan yang jelas yang menunjukkan perayu yang membuat ruang khas. Berkemungkinan ruang khas itu dibuat oleh pemilik-pemilik yang terdahulu ataupun oleh sesiapa yang meminjam kereta tersebut kerana mengikut keterangan ruang khas tersebut boleh disiapkan di dalam tempoh enam jam sahaja. Walau bagaimanapun, mahkamah bersetuju dengan YA Hakim perbicaraan bahawa perayu dianggap

tahu berkenaan dengan ruang khas tersebut kerana kereta itu telah berada di dalam jagaannya lebih daripada satu tahun (lihat perenggan 18–19, 21).

(4) Sungguhpun perayu tidak membuktikan dengan sah bahawa orang yang terakhir membawa kereta itu ialah 'Arif', tetapi keterangannya itu menimbulkan kebarangkalian 'Arif' telah meminjam kereta tersebut darinya. Kebarangkalian ini menimbulkan keraguan yang munasabah bahawa kereta tersebut sebelum kejadian hanya berada di dalam milikan dan kawalan perayu di sepanjang masa. Sebagaimana yang diakui oleh pihak polis dan diterima oleh YA Hakim perbicaraan, 'Arif' atau orang yang seakan namanya sama dengan 'Arif' adalah wujud dan percakapannya telahpun dirakamkan oleh pegawai penyiasat. Orang yang dikatakan 'Arif' itu juga adalah berniaga bersebelahan kedai perayu sebagaimana yang dikatakan oleh perayu (lihat perenggan 25).

(5) Berasaskan perayu adalah pemilik kereta tersebut dan mengetahui adanya ruang khas di dalam boot kereta bukanlah keterangan muktamad (conclusive) bahawa dadah yang dijumpai itu adalah di dalam milikan dan kawalan perayu tanpa keterangan-keterangan yang lain. Keterangan yang terdapat di dalam rayuan ini menunjukkan perayu hanya boleh dianggap mempunyai milikan dan kawalan ke atas dadah tersebut dan dengan itu mengikut kes *Muhammed bin Hassan* ia tidak boleh dianggap sebagai pengedar kerana undang-undang tidak membenarkan membuat dua anggapan untuk mendapatkan seseorang itu bersalah di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (lihat perenggan 26–27).

[English summary

The appellant was charged and convicted with an offence under s 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 and was sentenced to mandatory death in accordance with s 39B(2) of the same Act. The facts showed that acting on information, a party of police personnel proceeded to the scene and laid an ambush. At about 8.15am a Proton Saga car driven by the appellant arrived at the scene and parked his car behind another car Alphine Chrysler (P23) which was already there. When the appellant and his brother stepped out from the said Proton, the police closed in on them and detained them. The police conducted a body search on the appellant and found a set of Proton Saga keys in the appellant's pocket and another set consisting of four keys (P30). When the appellant was questioned on P30, he pointed to the Alphine Chrysler car. One of the keys from P30 opened the door and also the booth of the said Alphine Chrysler car and in it they found some dried leaves suspected to be ganja. When the floor cover of the booth was lifted, a square covering was found placed on the floor of the booth where 10 transparent plastic packets containing dried leaves suspected to be ganja were removed. A Service Adviser from Wearne Bros company testified on the Alphine Chrysler car whereby he said that the special space under the booth of the car and wall behind the seats are not manufacturer's design for Alphine Chrysler type car. In his statement the appellant stated that at the time of event he loaned the car P23 to his friend who is known as 'Abang Arif'. 'Abang Arif' runs a grocery shop next to his tomyam shop. The evidence by SP15 (investigating officer) stated that he recorded a conversation with someone by the

name of Aris bin Alias who runs a grocery shop next to the appellant's shop. The prosecution admitted that Aris bin Alias had disappeared and they did not call Aris bin Alias as a prosecution witness nor presented him to the appellant. The trial judge gave the benefit of the doubt to the appellant that Aris bin Alias is 'Abang Arif'. However, the learned judge in his judgment stated that the identity issue regarding 'Abang Arif' is not important as what is important is whether the appellant loaned his car P23 to 'Abang Arif' and without the knowledge of the appellant, 'Abang Arif' made the special compartment in the P23 car and then hid 12 packets in the said compartments. The appellant also alleged that there were two keys to P23 car. One was P30 obtained from his own pocket and another one was taken by the police from the shop and this was D36. During the trial, all parties including the learned judge did a check on the P23 car and it was then that D36 was found in the ignition. It was impossible for the appellant to place D36 in the ignition as he was under detention and the P23 car was under the custody and control of the police.

Held, allowing the appeal and amending the charge against the appellant to s 6 of the Dangerous Drugs Act 1952:

(1) It must be remembered here that the burden of proof on the appellant is not the truth or the validity of his evidence but whether the evidence given caused a reasonable doubt that the said drugs is under his control and possession (see para 12).

(2) This appeal is allowed based on the principle founded in the case of *Muhammed bin Hassan v PP* [1998] 2 MLJ 273. According to the principles of *Muhammed bin Hassan* the burden of proof that the said drugs were in the possession of the appellant is on the prosecution. If the prosecution succeeded in proving that at the time the drugs were found it was under the control of the appellant and the total weight of the cannabis in the possession of the appellant is more than 200g, only then the presumption of trafficking dangerous drugs under s 37(da) can be used to convict the appellant for the offence of drugs trafficking. If from the evidence presented the prosecution is only able to proof that the drugs can only be presumed to be in the possession and control of the appellant, thus the presumption of trafficking under s 37(da) cannot be used (see paras 14, 16).

(3) Tha Court should comb through the evidence as a whole whether the car P23 is in fact under the possession and control of the appellant alone to ensure that the said drugs were in the possession and control of the appellant himself and not having to use the provision on presumption. There are a lot of questions raised in relation to the ownership of the car P23 from the beneficial owner to the registration card and the renewal of road tax and the instalment payment on the said car. There were no clear evidence showing the appellant made that special compartment. It is likely that the special compartment was made by previous owners or anyone at all who loaned the said car as according to the evidence, the special compartment can be made within six hours. However, the court agreed with the learned trial judge that the appellant is taken to have known of the existence of the special compartment as the car was under his care for more than a year (see paras 18–19, 21).

(4) Even though the appellant did not proof conclusively that the last person to handle the car was 'Arif', but his evidence raised doubt that 'Arif' has borrowed the car from him. Such probabilities raised reasonable doubt that all along before the incident the said car was in possession and control of the appellant alone. As admitted by the police and accepted by the learned trial judge, 'Arif' or someone of similar name with 'Arif' existed and their conversation recorded by the investigating officer. The said 'Arif' too has his business next to the appellant's shop as stated by the appellant (see para 25).

(5) Based on the fact that the appellant is the owner of the said car and is aware that there is a special compartment in the booth of the car is not conclusive evidence that the drugs found is in the possession and control of the appellant without any other evidence. The evidence obtained from this appeal showed that the appellant can only be presumed to have possession and control of the drugs and according to the case of Muhammed bin Hassan he cannot be assumed to be a trafficker as the law does not allow presumption upon presumption for a conviction under s 39B Dangerous Drugs Act 1952 (see paras 26–27).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kes jenayah, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 391–406.

Untuk kes-kes mengenai kes milikan dadah, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 290–391.

Kes-kes yang dirujuk

Khoo Hi Chiang v PP and another appeal [1994] 1 MLJ 265 (dirujuk)

Leong Bon Huat v PP [1993] 3 MLJ 11 (dirujuk)

Muhammed bin Hassan v PP [1998] 2 MLJ 273 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 6, 37(d), 37(da), 37(h), 39A(2), 39B(1)(a), 39B(2)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–5 tahun 1994 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Gobind Singh Deo (Karpal Singh & Co) bagi pihak perayu.

Meor Hashimi bin Abdul Hamid (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara Malaysia) bagi pihak responden.

Mokhtar Sidin HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Di dalam rayuan ini, perayu telah dituduh dan disabitkan kesalahannya di bawah s 39B(l)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan hukuman yang dikenakan di bawah s 39B(2) Akta yang sama adalah hukuman mandatori iaitu hukuman gantung.

[2] Fakta kes ialah lebih kurang jam 7 pagi pada 24 November 1993, bertindak di atas maklumat yang diterima, satu pasukan polis dari Cawangan Anti Dadah Bukit Aman, Kuala Lumpur yang diketuai oleh Ketua Inspektor Rodzi bin Rajab, telah pergi ke tempat kejadian di Jalan 8/42A, Taman Sejahtera, Segambut, Kuala Lumpur untuk membuat serang hendap. Pada jam 8.15 pagi, sebuah kereta Proton Saga yang dipandu oleh perayu telah tiba di tempat kejadian dan meletakkan keretanya di belakang satu kereta Alphine Chrysler bernombor pendaftaran AAE 9496 yang sedia ada di tempat kejadian. Bersama perayu di dalam kereta Proton ialah abangnya bernama Mohd Zain. Apabila perayu dan abangnya keluar dari kereta Proton tersebut, pasukan polis menghampiri mereka. Mengikut keterangan, apabila perayu ditanya namanya, perayu menunjukkan ketakutan dan di atas arahan SP12 (Ketua Inspektor Mohd Rodzi bin Rajab) perayu telah ditahan oleh SP13 (Del L/Kpl Mohd Zakaria bin Nordin). Seterusnya, pasukan polis membuat pemeriksaan badan ke atas perayu dan hasilnya polis telah menjumpai daripada poket seluar perayu satu rangkaian anak kunci kereta Proton Saga dan satu lagi rangkaian empat kunci. Apabila perayu disoal berkenaan dengan rangkaian empat kunci itu perayu telah menunjukkan dengan muncungnya ke arah kereta Alphine Chrysler. Perayu telah dibawa ke kereta tersebut dan SP12 membuka pintu kereta tersebut dengan menggunakan salah satu kunci dari rangkaian empat kunci yang dijumpai di dalam poket seluar perayu. Perayu kemudiannya, di atas perrnintaan polis, membuka boot kereta Alpine Chrysler tersebut dan di dalamnya mendapati cebisan daun kering yang disyaki ganja. SP12 terus memeriksa boot kereta tersebut. Apabila pelapik lantai boot diselak SP12 ternampak satu petak penutup empat segi dilekatkan pada lantai boot. Atas arahan SP12, perayu membuka petak tersebut dan didapati satu ruang empat segi. SP12 seterusnya telah mengeluarkan dari ruang tersebut 10 bungkusan plastik lutsinar yang mengandungi daun-daun kering yang disyaki ganja. Pemeriksaan selanjutnya telah dilakukan ke atas kereta Alphine Chrysler tersebut dan di belakang dinding tempat duduk bahagian belakang SP12 telah menjumpai dua lagi bungkusan plastik lutsinar mengandungi daun-daun kering yang disyaki ganja. Di ruang dashboard pula, SP12 menjumpai satu buku akaun Amanah Saham Bumiputera, satu buku akaun Bank Simpanan Nasional, satu buku akaun Hock Hua Bank dan sekeping cek tunai bertarikh 23 November 1993 untuk RM3,200.

[3] Pendakwa telah memanggil SP9 (Service Adviser Syarikat Wearne Bros) untuk memberi keterangan berkenaan kereta Alphine Chrysler. Di dalam keterangannya ia menyatakan bahawa petak ruang khas di lantai boot kereta dan dinding di belakang tempat duduk bukanlah manufacturer's design bagi kereta jenis Alphine Chrysler. Ini bermakna ruang-ruang khas yang terdapat pada kereta Alphine Chrysler (P23) telah dibuat oleh seseorang selepas kereta itu dijual.

[4] Kesemua 12 bungkusan plastik lutsinar yang mengandungi daim-daun kering yang dijumpai di dalam ruang-ruang khas di dalam P23 itu telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. SP4 (Ahli Kimia Chan Kee Bian) yang menjalankan ujian ke atas daun-daun kering yang terdapat di dalam bungkusan-bungkusan tersebut. Setelah ujian dijalankan SP4 mendapati daun-daun kering itu adalah cannabis seperti yang ditakrifkan di dalam s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Berat bersih cannabis yang terdapat di dalam 12 bungkusan itu ialah 11,570g. Di dalam keterangannya, SP4 telah menyatakan dengan terperinci bagaimana ia membuat ujian ke atas

daun-daun kering itu. Selepas ujian-ujian dilakukan SP4 berpuashati bahawa daun-daun kering itu adalah cannabis. Peguambela perayu telah mencabar ujian yang dilakukan oleh SP4. Cabaran yang pertama ialah, SP4 tidak ada menyatakan berat 32 sampel yang diambil secara rambang olehnya untuk digunakan sebagai ujian. Keduanya, peguambela menyatakan ujian-ujian visual dan microscopic ke atas du quenois levine dan thin layer chromatography (TLC) secara berasingan adalah tidak muktamad. Peguambela seterusnya merujuk kepada kes *Leong Bon Huat v PP* [1993] 3 MLJ 11. YA Hakim perbicaraan telah mendapati ujian yang dibuat oleh SP4 adalah secara terperinci dan teliti dan juga keempat-empat ujian tersebut adalah lebih daripada mencukupi dan memuaskan. YA Hakim seterusnya menyatakan sungguhpun SP4 tidak menyatakan berat sampel yang diambil untuk tujuan ujian tetapi dari keterangan yang telah diberikan, jumlah sampel yang diambilnya adalah besar dan lebih daripada mencukupi. Dengan itu, YA Hakim perbicaraan telah menolak cabaran-cabaran peguambela perayu ke atas keterangan SP4.

[5] Peguambela perayu di Mahkamah Tinggi telah mempertikaikan milikan perayu ke atas 12 bungkusan tersebut. Di Mahkamah Tinggi, peguambela perayu menyatakan bahawa kereta P23 bukanlah milikan perayu kerana kad pendaftaran kereta tersebut menunjukkan nama yang tercatat di dalam kad pendaftaran ialah Leong Meng Choo (seorang perempuan Cina) dan bukannya perayu. YA Hakim perbicaraan telah menolak penghujahan itu kerana adalah jelas dari keterangan yang telah dikemukakan di mahkamah di mana Leong Meng Choo (SP6) telah memberi keterangan di mahkamah bahawa ia telah menjual kereta P23 kepada perayu dengan harga RM6,000 pada 7 Mei 1992. Perayu hanya membayar wang pendahuluan sebanyak RM2,000. Untuk mengukuhkan keterangannya, SP6 telah mengemukakan dokumen jualbeli kereta P23 bertarikh 7 Mei 1992 (P22). Perayu sendiri telah menandatangani P22 dan disaksikan oleh SP8.

[6] Setelah dokumen P22 ditandatangani, kunci kereta dan kereta P23 telah diserahkan kepada perayu. SP6 seterusnya menyatakan bahawa namanya masih tercatat di dalam kad pendaftaran kerana bayaran RM6,000 belum dijelaskan. Keterangan ini tidak dicabar dan dengan itu YA Hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa perayu adalah pemilik defacto kereta P23. Ini disokong dengan rangkaian kunci kereta P23 yang diperolehi dari poket seluar perayu dan juga dokumen-dokumen peribadi perayu yang terdapat di dalam kereta P23 iaitu buku akaun Bank Simpanan Nasional, Hock Hua Bank dan Amanah Saham Bumiputera yang dijumpai di dalam ruang dashboard kereta P23. Dengan itu juga, YA Hakim memutuskan kereta P23 di mana 12 bungkusan itu diperolehi adalah di dalam milikan dan kawalan perayu.

[7] YA Hakim perbicaraan di akhir pendakwaan telah memutuskan bahawa 12 bungkusan itu dijumpai di dalam ruang-ruang khas di dalam kereta P23 yang berada di dalam milikan dan kawalan perayu, maka anggapan di bawah s 37(h) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah terpakai.

[8] YA Hakim seterusnya memutuskan berasaskan kes *Khoo Hi Chiang v PP and another appeal* [1994] 1 MLJ 265, setelah membuat penilaian maksimum ke atas saksi pendakwaan, di akhir kes pendakwaan pihak pendakwa telah berjaya

membuktikan kes terhadap perayu di tahap melampaui keraguan yang munasabah yang, jika tidak disangkal, akan membawa kepada sabitan. Oleh itu, YA Hakim telah memanggil perayu membuat pembelaan.

[9] Di dalam keterangannya perayu menyatakan bahawa pada waktu kejadian ia telah meminjamkan kereta P23 kepada seorang kawan yang dikenali sebagai 'Abang Arif. 'Abang Arif ini menjalankan perniagaan kedai runcit bersebelahan kedai tomyam perayu. Perayu seterusnya menyatakan bahawa 'Abang Arif' telah meminjam kereta P23 daripadanya pada 23 November 1993 lebihkurang jam 5 petang. Walaupun 'Abang Arif tidak datang memberi keterangan di mahkamah, besar kernungkinan 'Abang Arif ini wujud. Ini berasaskan keterangan SP15 (pegawai penyiasat) yang menyatakan ia ada merakam percakapan dari seorang bernama Aris bin Alias yang menjalankan perniagaan kedai runcit bersebelahan kedai perayu. Mungkin 'Abang Arif' yang dikatakan oleh perayu adalah Aris bin Alias. Seterusnya, pihak pendakwa mengakui bahawa Aris bin Alias telah menghilangkan diri dan dengan itu tidak memanggil Aris bin Alias untuk menjadi saksi pendakwa atau dikemukakan kepada perayu. YA Hakim perbicaraan telah memberikan faedah (benefit of the doubt) kepada pihak perayu bahawa Aris bin Alias itu adalah 'Abang Arif. Walau bagaimanapun, YA Hakim di dalam penghakimannya menyatakan bahawa isu identiti 'Abang Arif adalah tidak penting kerana yang penting ialah sama ada perayu telah meminjamkan kereta P23 kepada 'Abang Arif dan tanpa pengetahuan perayu 'Abang Arif telah membuat ruang-ruang khas yang terdapat pada kereta P23 dan seterusnya telah menyembunyikan 12 bungkusan di dalam ruang-ruang khas tersebut.

[10] YA Hakim perbicaraan di dalam penghakimannya menyatakan bahawa isu pertama yang harus diputuskan ialah di mana rangkaian kunci P30 iaitu kunci kereta P23 dijumpai. Pendakwa di dalam keterangan saksi-saksinya menyatakan bahawa P30 telah dijumpai di dalam poket seluar perayu. Perayu pula menyatakan bahawa P30 dijumpai di kedai dan bukan dalam poket seluarnya. Peguambela perayu di dalam penghujahannya di Mahkamah Tinggi menyatakan P30 bukanlah kunci sebenar kereta P23 kerana kunci sebenarnya masih terlekat di ignition keraita P23 dan menjemput YA Hakim perbicaraan melihat sendiri. YA Hakim telah pergi melihat kereta P23 dan didapati memang ada kunci terlekat di ignition kereta P23. Kunci ini telah dikemukakan sebagai eksih D36. Peguambela perayu seterusnya berhujah bahawa D36 adalah kunci sebenar kereta P23 yang telah dipinjamkan kepada 'Abang Arif. YA Hakim mengakui bagaimana D36 berada di ingition kereta P23 masih menjadi tandatanya. Pihak pendakwa tidak dapat menjelaskan bagaimana D36 berada di ingition kereta P23 sungguhpun kereta P23 itu berada di bawah milikan dan kawalan polls semenjak ia dirampas daripada perayu di hari kejadian. YA Hakim telah memutuskan D36 bukan kunci kereta P23 berasaskan keterangan SP9 yang menyatakan gigi kunci D36 adalah berlainan dari kunci P30. Ini disokong oleh keterangan pendakwa yang menyatakan bahawa boot kereta P23 dibuka dengan kunci P30. Di atas alasan itu, YA Hakim telah memutuskan adalah mustahil bagi 'Abang Arif menggunakan D36 untuk kereta P23.

[11] Sungguhpun YA Hakim telah memutuskan sedemikian, pada pendapat saya, apa yang dihujahkan oleh peguambela ialah sama ada pembelaan yang dibuat oleh

perayu berkemungkinan apa yang dikatakan olehnya adalah benar. Pertamanya, 'Abang Arif yang dikatakan oleh perayu adalah wujud. Ini diakui sendiri oleh pegawai penyiasat yang menyatakan yang dia ada merakamkan percakapan dari orang tersebut. Ini diakui oleh YA Hakim perbicaraan. la tidak dipanggil untuk memberi keterangan kerana tidak dapat dikesan. Kenapa ia tidak dapat dikesan adalah menjadi tandatanya. Pada pendapat saya, hanya saksi ini sahaja yang dapat mematahkan keterangan perayu mengenai peminjaman kereta P23. Keduanya ialah berkenaan kunci D36. Keterangan memmjukkan ada dua kunci iaitu P30 dan P36 yang telah dikemukakan ke mahkamah. Mengikut pendakwa, P30 diperolehi dari poket seluar perayu. Ini tidak dinafikan oleh perayu, tetapi perayu menyatakan ada dua kunci bagi kereta P23. Satu ialah P30 yang diperolehi dari poket seluarnya dan satu lagi telah diambil oleh pasukan polis dari kedai dan ini adalah D36. Keterangan pendakwa menyatakan selepas penangkapan perayu, kereta P23 telah dibawa ke balai polis di mana ia telah ditahan sehingga ia dikemukakan di mahkamah di hari perbicaraan. Semasa perbicaraan kesemua pihak termasuk YA Hakim telah membuat pemeriksaan ke atas kereta P23 dan di masa itulah D36 dijumpai di ignition. Tidak mungkin perayu telah meletakkan D36 di ingition kerana perayu ada di dalam tahanan dan kereta P23 berada di dalam jagaan dan kawalan polis. Dengan itu, keterangan yang ada ialah selepas perayu ditangkap di tempat kejadian pihak polis telah menahan kereta P23 seterusnya dibawa ke balai polis di mana kereta P23 ditahan dan seterusnya di bawa ke mahkamah sebagai barang kes. Pada pendapat saya apabila kunci D36 itu berada di ignition kereta P23 semasa pemeriksaan di mahkamah ini bererti D36 sememangnya berada di situ semasa polis merampas dan menahan kereta tersebut. Sungguhpun YA Hakim perbicaraan menyatakan D36 bukan kunci kereta P23 kerana kunci D36 giginya berlainan daripada P30 dan P30 telah digunakan untuk membuka boot kereta P23, tidak ada keterangan yang menunjukkan P30 itu digunakan 10 untuk menghidupkan enjin kereta P23 ataupun mencubanya di ignition kereta P23. Pada pendapat kami, ini menimbulkan keraguan yang munasabah di mana kereta itu dipinjamkan kepada 'Abang Arif.

[12] Perlu diingat di sini bahawa beban pembuktian ke atas perayu bukanlah kebenaran atau kesahihan keterangannya tetapi sama ada keterangan yang diberikannya menimbulkan keraguan yang munasabah yang dadah berkenaan adalah di bawah jagaan atau di dalam milikannya.

[13] Dengan itu, pada pendapat saya YA Hakim telah terkhilaf apabila beliau membuat keputusan seperti berikut:

> Oleh itu, jika sekalipun mahkamah memberi faedah keraguan bahawa tertuduh ada memberi anak kunci D36 kepada 'ARIF' itu, ia tidak memudaratkan kes pendakwaan kerana boot kereta P23 itu dibuka dengan anak kunci P30 dan bukan dengan D36. Ini bermakna mustahil bagi ARIF menggunakan D36 untuk kereta P23.
>
> Kesimpulan yang boleh dibuat mengenai isu ini ialah bahawa Tertuduh sebenarnya tidak meminjamkan kereta itu kepada sesiapa pun termasuk ARIF sebab kunci kereta P30 sentiasa berada padanya.
>
> Memang menjadi tugas pendakwaan untuk mengenwkakan orang-orang yang telah memberi percakapannya kepada polis yang menyiasat sesuatu kes. Walaupun terpulang kepada pendakwaan untuk memanggil mana-mana saksinya untuk memberi keterangan adalah perlu bagi pendakwaan sekurang-kurangnya untuk menawarkan kepada pembelaan

saksi-saksi yang tidak dipanggil untuk memberi keterangan di akhir pendakwaan supaya pembelaan boleh memilih untuk memanggil saksi berkenaan atau tidak. A

Tetapi di dalam kes ini, Pegawai Penyiasat SP15 menyatakan ARIS BIN ALIAS yang disebut sebagai 'Abang ARIF' oleh tertuduh, telah berhenti bekerja dan belum dapat dikesan. Sekiranya ARIS tersebut tidak dapat dikesan macam manakah boleh dikatakan pendakwaan sengaja tidak mahu mengemukakan saksi tersebut? Oleh itu saya berpendapat kegagalan pendakwaan mengemukakan ARIS tersebut atas sebab tidak dapat mengesannya tidak memudaratkan kes pendakwaan. Tambah lagi, saya telah memutuskan D36 yang dikatakan diberi oleh tertuduh kepada ARIS itu sebenarnya bukanlah kunci kepada kereta itu. B

Walaupun mahkamah memberi faedah kepada tertuduh yang mengundur beberapa langkah daripada P23 apabila disuruh oleh SP12 supaya membuka kereta tersebut, sebagai satu tindakan takut yang biasa oleh seseorang yang baru ditangkap oleh polis, namun demikian keterangan SP12, SP13 dan SP14 mengenai kunci P30 yang dijumpai daripada poket seluar tertuduh tetap tidak dapat disangkal dengan jayanya oleh tertuduh. Tertuduh hanya menafikan kenyataan SP12, SP13 dan SP14 mengenai hal ini. Penafian tertuduh ini tanpa apa-apa keterangan lain, tidak mencukupi untuk menyangkal keterangan SP12, SP13 dan SP14. Tidak ada sebab mengapa keterangan mereka patut tidak dipercayai. Tiada sebab dicadangkan mengapa mereka mahu menganiayai tertuduh sedemikian. Oleh itu Mahkamah menerima keterangan SP12, SP13 dan SP14 sebagai benar. C D

Adalah tidak munasabah samasekali bagi tertuduh sebagai tuanpunya kereta P23 tidak mengetahui tentang ruang khas di dalam boot kereta itu. Sebab jika dilihat kepada gambar (PI8A) ruang khas ini berada betul-betul di tengah lantai boot dan sudah kelihatan pengubahsuaian kepada lantai itu untuk dijadikan ruang khas apabila getah penutup dibelek. Tidak ada keterangan yang lain untuk Mahkamah membuat kesimpulan kecuali tertuduhlah orang yang telah menyimpan 10 bungkusan dadah di dalam ruang yang tersembunyi ini, dan juga dua bungkusan dadah lagi yang disembunyikan di belakang dinding tempat duduk belakang kereta ini. E

Seterusnya jumlah cannabis yang diperolehi itu melebihi 200g di mana anggapan mengedar dikenakan oleh pemntukan undang-undang. Jumlah cannabis sebanyak 11,570g itu juga menguatkan kesimpulan mahkamah bahawa dadah tersebut ialah untuk tujuan edaran dan bukan untuk kegunaan sendiri. F

[14] Setelah mendengar penghujahan-penghujahan yang telah dikemukakan oleh peguambela perayu dan Timbalan Pendakwa Raya, kami sebulat suara telah membenarkan rayuan oleh perayu. Kami telah membenarkan rayuan ini berasaskan kepada prinsip yang dinyatakan di dalam kes *Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273 di mana telah diputuskan seperti berikut (di ms 276): G

Bagi mencapai anggapan milikan dan pengetahuan di bawah s 37(d) Akta tersebut, seseorang hanya perlu mencapai keputusan 'dalam jagaannya atau di bawah pengawalannya apa-apa sahaja yang mengandungi' dadah manakala untuk mencapai anggapan 'pengedaran' di bawah s 37(da), keputusan didapati 'ada dalam milikan' dadah adalah perlu. Oleh itu adalah terlalu keras dan menindas untuk mentafsirkan pemakaian automatik anggapan pada anggapan. Tafsiran sedemikian patut diterimapakai hanya sekiranya, pada susunan kata kedua-dua subseksyen, hasrat Parlimen seperti ini adalah jelas, yang tidak begitu di sini. Maka, untuk membentuk 'milikan' di bawah s 37(da) Akta tersebut, supaya membentuk satu daripada unsur di bawahnya bagi membangkitkan anggapan pengedaran, mesti terdapat keputusan mengiakan yang nyata, bukan sahaja satu anggapan san, atas milikan sebagaimana yang difaham dalam undang-undang jenayah, berdasarkan keterangan. Perkataan 'didapati' dalam s 37(d) mesti membawa makna yang sama dengan 'didapati' H I

dalam s 37(da). Kedua-dua menghendaki bahan keterangan dalam memperolehi bukti ke atasnya dan berbeza daripada perkataan 'dianggap' yang digunakan dalam s 37(d) (lihat ms 2881, 289A–C dan 291G–H).

Tambahan pula, untuk membaca anggapan milikan yang diperuntukkan dalam s 37(d) ke dalam s 37(da) supaya anggapan pengedaran yang lanjut dapat digunakan terhadap seorang tertuduh bukan sahaja memberikan makna yang lebih luas daripada yang biasa kepada ungkapan 'didapati ada dalam milikannya' dalam s 37(da) tetapi juga bertentangan dengan prinsip tafsiran yang mantap atau statut keseksaan dan terlalu keras dan menindas terhadap tertuduh. Sebarang ketaksaan dalam s 37(da) harus diselesaikan memihak kepada tertuduh dengan meletakkan beban membukti milikan bahan-bahan terlibat pada pihak pendakwa. Dengan itu, hakim perbicaraan telah terkhilaf di sisi undang-undang dengan menggunakan anggapan milikan di bawah s 37(d) Akta tersebut bagi menggunakan anggapan pengedaran di bawah s 37(da)...

[15] Kami mengambil perhatian bahawa di dalam rayuan ini, semasa YA Hakim perbicaraan mendengar dan memberi keputusan, ianya dibuat sebelum Mahkamah Persekutuan membuat keputusan ke atas kes *Muhammed bin Hassan* dan dengan itu YA Hakim tidak mendapat manfaat daripada prinsip yang dinyatakan di dalam kes tersebut.

[16] Mengikut prinsip-prinsip *Muhammed bin Hassan* beban rnembuktikan bahawa dadah berkenaan berada di dalam milikan perayu adalah ke atas pendakwa. Sekiranya pendakwa berjaya membuktikan bahawa semasa dadah itu dijumpai ianya berada di dalam kawalan perayu dan jumlah berat dadah cannabis di dalam milikan perayu itu melebihi 200g, maka barulah anggapan mengedar dadah berbahaya di bawah s 37(da) boleh dipakai untuk mensabitkan kesalahan mengedar dadah. Sekiranya dari keterangan yang dikemukakan pendakwa hanya dapat membuktikan bahawa dadah itu hanya boleh dianggap berada di dalam milikan dan jagaan perayu, maka anggapan untuk mengedar di bawah s 37(da) tidak boleh dipakai.

[17] Di dalam rayuan ini YA Hakim sendiri di dalam penghakimannya menyatakan oleh kerana kereta P23 adalah di dalam milikan dan kawalan perayu, maka dadah berkenaan dianggap di dalam milikan perayu. Seterusnya YA Hakim berpendapat bahawa berat dadah cannabis melebihi 200g, maka ia dianggap sebagai pengedar di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[18] Dengan itu, kami terpaksa meneliti keterangan secara menyeluruh sama ada kereta P23 sebenarnya di dalam milikan dan kawalan perayu seorang sahaja untuk memastikan bahawa dadah berkenaan berada dalam milikan dan kawalan perayu sendiri dan bukan menggunakan peruntukan anggapan. Keterangan menunjukkan nama di dalam kad pendaftaran ialah Leong Meng Choo yang memberi keterangan ia telah menjual kereta itu kepada perayu tetapi tidak menukar nama di dalam kad pendaftaran kerana perayu belum menjelaskan bayaran sepenuhnya. Keterangan ini disokong oleh keterangan Leong Chan Mow (adik kepada Leong Meng Choo) dan surat pengakuan hak (P22) yang disaksikan oleh Ong Siew Hoon @ Ong Siew Hon dan Mohd Ismail bin Mohamad. Mengikut kad pendaftaran kereta itu lagi, sebelum Leong Meng Choo terdapat tiga pemilik yang lain yang telah didaftarkan iaitu Syarikat Kelian Intan Sdn Bhd, Ong Siew Hoon @ Ong Siew Hon dan Mohd Ismail bin Mohamad. Tidak dinafikan bahawa SP9 (Rajendra Parshad a/l BH Sharma) ada

memberi keterangan yang menyatakan kereta P23 pada asalnya tidak mempunyai ruang khas di dalam boot. Ini pada pendapat saya ialah semasa kereta itu mula-mula dijual. SP9 telah membuat pemeriksaan ke atas kereta P23 seminggu sebelum perbicaraan. Tidak ada dinyatakan di dalam keterangan bahawa SP9 telah mengadakan pemeriksaan ke atas kereta P23 di antara tarikh ianya dijual pada 26 Januari 1979 sehingga tarikh ia membuat pemeriksaan kereta itu seminggu sebelum perbicaraan kes ini. Dengan itu berkemungkinan ruang khas ini telah dibuat oleh mana-mana pemilik yang terdahulu. SP6 (Leong Meng Choo) pemilik terakhir sebelum perayu menyatakan bahawa ia sendiri tidak tahu sama ada adiknya atau abang iparnya yang selalu menggunakan kereta P23 ada membuat pengubahsuaian atau tidak ke atas kereta tersebut. Dia sendiri mengakui dia jarang menggunakan kereta tersebut sungguhpun beliau mempunyai lesen memandu. SP6 mengakui dia tidak tahu tentang kereta itu sungguhpun ia telah didaftarkan sebagai pemilik. Satu lagi perkara yang menarik perhatian saya di dalam keterangan SP6 ialah kenyataan beliau bahawa nama beliau sebagai pemilik ialah kerana perayu belum membayar habis pembelian kereta tersebut. Ini bemakna pemilik yang sah bagi kereta P23 ialah SP6.

[19] SP7 (Leong Chan Mow) iaitu adik kepada SP6 menyatakan yang ia membeli kereta tersebut tetapi telah mendaftarkan nama SP6 kerana ia membelinya untuk diberi kepada SP6 untuk belajar memandu. Tetapi SP6 sendiri menyatakan bahawa ia ada mempunyai lesen memandu. Di dalam keterangannya SP7 mengakui ia telah menjual kereta tersebut kepada perayu tetapi tidak memberikan kad pendaftaran kereta tersebut dan tidak ditukar milik kepada perayu kerana pembayaran belum habis dibuat. Adalah menjadi tandatanya siapa yang membaharui cukai jalan kereta tersebut. Kedua-dua SP6 dan SP7 menyatakan kemungkinan pembaharuan cukai jalan diuruskan oleh bapa mereka yang telah meninggal dunia. Yang menjadi tandatanya ialah kenapa kereta tersebut dipakai oleh perayu tetapi cukai jalannya dibayar oleh bapa SP6 dan SP7. Lagi satu perkara yang menjadi tandatanya ialah pembayaran ansuran bagi kereta tersebut. Sungguhpun P22 ada menyatakan pembayaran RM2,000, tetapi bagaimana baki bayaran akan dibuat. Ini berlainan daripada surat jualbeli. Perlu diingat di sini bahawa SP6 dan SP7 tinggal di Ipoh manakala perayu tinggal di Kelantan. Mungkinkah P22 itu dibuat untuk sesuatu tujuan seperti melindungi SP6 dan SP7. Dengan itu banyak tanda tanya yang timbul jika diambilkira perayu adalah bekas pekerja SP7 dan kenapa kereta itu didaftarkan di atas nama SP6 sungguhpun SP7 yang membelinya. SP7 di dalam keterangannya mengakui bahawa sebelum dia berikan kereta tersebut kepada perayu dia tidak memeriksa boot, malahan tidak pernah memeriksa tempat simpanan/boot kereta itu.

[20] SP8 (Mansor bin Salleh) mengakui semasa SP7 menggunakan kereta itu di Kelantan dialah pemandu kereta tersebut selama satu tahun. Dia menyatakan semasa memandu kereta itu ia tidak ada mempunyai apa-apa ruang di dalam boot. SP8 mengesahkan bahawa ada ketika di dalam tahun 1992 sebelum dijual kereta itu berada di Ipoh dan bukan di Kelantan.

[21] Dari keterangan yang dinyatakan di atas, saya mendapati tidak ada keterangan yang jelas yang menunjukkan perayu yang membuat ruang khas. Berkemungkinan ruang khas itu dibuat oleh pemilik-pemilik yang terdahulu ataupun oleh sesiapa yang

meminjam kereta tersebut kerana mengikut keterangan ruang khas tersebut boleh disiapkan di dalam tempoh enam jam sahaja. Dengan itu, saya berpendapat tidak ada bukti yang kukuh yang menunjukkan perayu telah membuat ruang khas tersebut. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan YA Hakim perbicaraan bahawa perayu dianggap tahu berkenaan dengan ruang khas tersebut kerana kereta itu telah berada di dalam jagaannya lebih daripada satu tahun.

[22] Berkenaan dengan keputusan oleh YA Hakim perbicaraan bahawa kunci D36 bukanlah kunci kereta P23, saya berpendapat bukanlah satu keputusan yang pasti. Pertama sekali saya dapati ini berasaskan pendapat SP9 sahaja yang menyatakan gigi kunci P30 adalah berlainan dengan gigi kunci D36. Keterangan ini berasaskan pandangan kasar sahaja dan bukan pemeriksaan teliti. Sepatutnya SP9 mencuba kunci-kunci tersebut. Keduanya, keterangan SP9 yang menyatakan seperti berikut:

> I examined the said car at the Setapak Police Station. When I examined the car I could not open the four side doors. We could only open the rear fifth door. I was asked to look into the boot...
>
> When I examined the car last week I did not look at the ignition.

Di dalam pemeriksaan balas, SP9 menyatakan seperti berikut:

> Normally for this type of car there is one ignition key which also opens the four side doors and one key which opens the rear fifth door.
>
> Naturally it has two different keys.

Di dalam pemeriksaan semula, SP9 menyatakan:

> For hatchback model it can also only have one key for the ignition, four side doors and the fifth rear door.

[23] Dari keterangan ini jelas menunjukkan ada kemungkinan dua kunci bagi kereta tersebut, satu untuk kunci boot sahaja dan satu lagi bagi kesemua termasuk ignition. Pada pendapat saya, dari keterangan yang telah diberikan oleh SP9 kemungkinan kunci P30 adalah kunci boot sahaja dan D36 adalah kunci ignition dan kunci pintu yang lain. Ini dikuatkan dengan keterangan bahawa P30 telah digunakan untuk membuka pintu-pintu kereta tersebut tetapi tidak berjaya. Pintu kereta itu hanya dapat dibuka oleh perayu tetapi tidak diberitahu bagaimana ia dibuka.

[24] Ketiga, kereta tersebut semasa kejadian telahpun berusia 13 tahun lebih dan ada kemungkinan kunci-kuncinya telah ditukar.

[25] Di atas sebab yang dinyatakan di atas sungguhpun perayu tidak membuktikan dengan sah bahawa orang yang terakhir membawa kereta itu ialah 'Arif, tetapi keterangannya itu menimbulkan kebarangkalian 'Arif telah meminjam kereta tersebut darinya. Kebarangkalian ini rnenimbulkan keraguan yang munasabah bahawa kereta tersebut sebelum kejadian hanya berada di dalam milikan dan kawalan perayu di sepanjang masa. Sebagaimana yang diakui oleh pihak polis dan diterima

oleh YA Hakim perbicaraan, 'Arif atau orang yang seakan namanya sama dengan Arif adalah wujud dan percakapannya telahpun dirakamkan oleh pegawai penyiasat. Orang yang dikatakan 'Arif itu juga adalah berniaga bersebelahan kedai perayu sebagaimana yang dikatakan oleh perayu.

[26] Berasaskan perayu adalah pemilik kereta tersebut dan mengetahui adanya ruang khas di dalam boot kereta bukanlah keterangan muktamad (conclusive) bahawa dadah yang dijumpai itu adalah di dalam milikan dan kawalan perayu tanpa keterangan-keterangan yang lain. Ini dilemahkan lagi oleh keterangan-keterangan yang dinyatakan di atas. Dengan itu pada pendapat saya, perayu hanya boleh dianggap mempunyai milikan dan kawalan ke atas dadah tersebut mengikut s 37(d). YA Hakim perbicaraan memutuskan bahawa dadah cannabis yang berada di dalam milikan perayu melebihi 200g, maka ia dianggap sebagai pengedar mengikut s 37(da).

[27] Keterangan yang terdapat di dalam rayuan ini menunjukkan perayu hanya boleh dianggap mempunyai milikan dan kawalan ke atas dadah tersebut dan dengan itu mengikut kes *Muhammed bin Hassan* ia tidak boleh dianggap sebagai pengedar kerana undang-undang tidak membenarkan membuat dua anggapan untuk mendapatkan seseorang itu bersalah di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

[28] Di atas sebab-sebab yang dinyatakan, kami sebulat suara telah membenarkan rayuan oleh perayu. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang kami nyatakan perayu telah dianggap mempunyai milikan dan kawalan ke atas dadah tersebut, kami meminda pertuduhan ke atas pcrayu kepada s 6 yang boleh dikenakan hukuman di bawah s 39A(2).

[29] Perayu telah diminta membuat penghujahan untuk meringankan hukuman. Selain menyatakan umurnya dan mempunyai ibu dan bapa perayu hanya memohon hukuman ringan.

[30] Kami dengan sebulat suara telah menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun dan sebatan 10 kali.

Rayuan dibenarkan. Pertuduhan ke atas perayu dipinda kepada s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952.

Reported by Sally Kee